

04 JAN 2003

Rafidah-Rebutan

PERALIHAN KUASA TIDAK AKAN JADI PUNCA REBUTAN KUASA

PETALING JAYA, 4 Jan (Bernama) -- Peralihan kuasa selepas Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersara Oktober ini tidak akan menjadi punca rebutan kuasa di kalangan pemimpin Umno, kata Menteri Perdagangan Antrabangsa dan Industri, Dato' Seri Rafidah Aziz, hari ini.

"Saya percaya pemimpin Umno tidak akan berebut kuasa, malah tahu menjaga keharmonian parti," kata beliau pada majlis Aidilfitri Wanita Umno cawangan Petaling Jaya Utara dan Kelab Amal Wanita Prihatin Petaling Jaya di sini, hari ini.

"Apabila Pak Lah (Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi) mengambil alih kedudukan Perdana Menteri Oktober ini, dialah yang akan menentukan siapa timbalannya," katanya.

Mengenai isu poligami, Rafidah berkata, sistem dan undang-undang poligami harus diseragamkan di seluruh negara supaya tidak ada lelaki yang perlu berpindah ke negeri-negeri lain apabila hendak menambah isteri.

Disebabkan ketidakseragaman di antara negeri-negeri, ramai yang ingin beristeri lebih dari satu berpindah ke Perlis memandangkan kelonggaran dalam syarat-syarat berpoligami, katanya.

Rafidah menyarankan agar semua majlis agama Islam dan jawatankuasa pentadbiran agama Islam di peringkat negeri bermesyuarat untuk menyeragamkan prosedur dan tatacara poligami di seluruh negara.

Beliau berkata tatacara poligami perlu mengambil kira dua perkara iatu apabila seseorang lelaki menambah isteri, dia perlu mempunyai alasan munasabah dan kukuh.

-- BERNAMA

CL MFZ ZB